

Pendidikan tanpa batasan di UPMET

Kearah melahirkan modal insan yang cemerlang dan efektif, aspek pendidikan harus bergerak seiring dengan pengalaman kerja supaya produktiviti dapat dijana dengan lebih baik dan sistematis.

Paling penting program-program pembentukan modal insan tidak boleh diletakkan di bahu kerajaan semata-mata.

Menyedari hakikat itu, UPM Education & Training Sdn. Bhd. (UPMET) yang aktif dalam bidang pendidikan misalnya berperanan mengurus dan mengendalikan program ataupun kursus melibatkan pembangunan profesional dan juga latihan berkaitan dengan perkembangan teknologi.

Ditubuhkan pada 16 Mac 2009, UPMET yang berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat, menawarkan program-program jangka pendek komprehensif di dalam pelbagai disiplin.

Menerusi langkah itu, UPMET optimis dapat membantu negara dalam mengatasi keperluan dan keupayaan sesbuah organisasi untuk menempuh cabaran pasaran global bagi membantu negara melahirkan pekerja yang berpengetahuan serta menitberatkan pembangunan sahsiah dan modal insan.

Selain daripada menguruskan program-program yang berasaskan pembangunan dan latihan, UPMET juga menawarkan Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) UPM dan juga Program Kerjasama UPM-IPTS.

Penawaran program-program ini sebenarnya memberi peluang kepada sesiapa sahaja yang ingin meningkatkan taraf pendidikan untuk menyambung pelajaran serta memperbaiki taraf hidup masing-masing.

Sementara itu, kaedah pembelajaran PJJ adalah melalui pembelajaran secara kendiri dengan bimbingan tutor berkelayakan yang dilantik di pusat-pusat pembelajaran UPMET di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bagi memudahkan proses pemindahan pengetahuan secara menyeluruh dapat dicapai.

Menariknya, para pelajar berpeluang bertemu pensyarah melalui persidangan video semasa kelas mengikut jadual yang telah di-susun.

Selain daripada bahan sokongan nembe-

lajaran seperti nota dan modul yang disediakan, para pelajar juga boleh memuat turun video sesi bersemuka untuk rujukan.

Menerusi kemudahan ini, para pelajar dapat menamatkan pengajian mereka dalam tempoh empat hingga empat tahun setengah sama seperti pelajar sepenuh masa UPM.

Kaedah pendidikan ini berupaya menawarkan peluang pembelajaran yang fleksibel di samping merealisasikan konsep pembelajaran berterusan sepanjang hayat.

Malah, melalui pembelajaran secara PJJ mampu menghasilkan pelajar yang celik teknologi maklumat (IT) dan dapat memanfaatkan pengetahuan tersebut di dalam

pembelajaran dan kehidupan.

Pelajar berupaya menangani cabaran serta peluang pendidikan pada hari ini dengan penggunaan IT. Ia juga mampu meningkatkan tahap keberkesan pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan teknologi pendidikan yang bersesuaian.

Selain daripada menguruskan program berasaskan pembangunan dan latihan, UPMET menawarkan Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) UPM dan juga Program Kerjasama UPM-IPTS.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Kemasukan dan Hal Ehwal Pelajar, UPM Education & Training Sdn. Bhd., Universiti Putra Malaysia di talian 03-8946 8815/8817/8821/8829 atau layari laman web di <http://www.upmet.upm.edu.my>

